



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA**

**Sabtu, 28 Mac 2020
Untuk Siaran Segera**

**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**

TAJUK: KEMENTERIAN PENGANGKUTAN KOMITED DALAM MEMASTIKAN KELANGSUNGAN INDUSTRI LOGISTIK BAGI KENDERAAN PERDAGANGAN YANG MERENTASI SEMPADAN MALAYSIA - SINGAPURA DEMI KEPENTINGAN RAKYAT DAN NEGARA

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah mengambil maklum berkenaan isu kenderaan perdagangan yang tidak boleh meneruskan aktiviti perdagangan merentasi sempadan Malaysia-Singapura apabila tiada Lesen Kenderaan Motor (LKM) yang berkuatkuasa setelah terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Walaupun perkhidmatan kaunter Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) ditutup demi keselamatan rakyat serta pengumuman pengecualian pembaharuan melalui kuasa Menteri Pengangkutan telah dibuat, tetapi terdapat segolongan pengusaha logistik yang memerlukan LKM untuk mendapatkan permit masuk bulanan ke Singapura daripada Land Transport Authority (LTA) Singapura.

Sehubungan itu, MOT melalui JPJ mengambil langkah inisiatif dalam memastikan kelangsungan industri logistik bagi urusan ini akan terus beroperasi sewaktu PKP ini. Inisiatif ini juga mendukung keputusan yg dipersetujui oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Singapura untuk menjamin penghantaran barangan keperluan atau *essential* di antara kedua negara ini.

Lantaran itu, kepada semua syarikat yang telah memperolehi kelulusan untuk penghantaran barangan *essential* ke Singapura, mereka boleh mendaftar dan menghantar permohonan bertulis kepada Bahagian Pelesenan Kenderaan Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia bagi penyelarasan urusan pemeriksaan PUSPAKOM dan pengeluaran permit kenderaan perdagangan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) jika perlu.

Untuk permohonan, syarikat hendaklah membawa dokumen berikut:

- i. **Senarai dan butir-butir kenderaan yang akan bergerak tetapi telah tamat tempoh LKM;**
- ii. **Dokumen pengesahan penghantaran barangan dan maklumat barangan (contohnya dokumen pesanan atau invois);**
- iii. **Surat kebenaran bertulis untuk melaksanakan pergerakan dalam tempoh PKP daripada Kementerian Perdagangan dan Industri (MITI) di bawah kategori perkhidmatan *essential*.**

Pemohon yang layak akan diaturkan urusan secara temujanji. Kategori yang tidak memenuhi syarat yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Hotline MOT di talian 1800-88-7723 yang beroperasi dari 8 pagi sehingga 8 malam atau e-mel kepada pkend@jpj.gov.my.

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
28 MAC 2020**

- TAMAT -